

Jack Sparrow murung tak tahan cuaca panas

Kuala Lumpur: Jack Sparrow bukan hero filem *Pirates of the Caribbean*, tetapi seekor kucing berasal dari Russia yang berbulu tebal dan sentiasa murung kerana tidak tahan dengan cuaca di negara ini.

Lauk ikan yang kebiasaannya menjadi makanan kegemaran bagi kucing, tidak bagi Jack Sparrow of Kiralee dan anaknya, Kiralee Eries yang lebih gemarkan daging dan ayam.

Pemilikinya yang juga seorang kakitangan swasta, Cheong Yuen Wai, 30, berkata memelihara kucing bukanlah sesuatu yang sukar, namun pemakanan adalah penjagaan utama bagi kucing.

"Saya ada 18 kucing di rumah yang dijaga bersama rakan, walaupun kucing sinonim suka ikan tapi sebenarnya tidak. Hampir

setiap malam kami akan memasak lauk ayam dan daging separa masak kerana mereka tidak sukakan ikan.

Beli dari dari Russia

"Jack ini saya beli dari Russia, malah sentiasa memerlukan udara yang sejuk kerana cuaca panas akan membuatkan dia murung disebabkan memiliki bulu tebal berbanding anaknya, Kiralee. Sifat kucing yang sukakan perhatian, menjadi penghibur kepada kami apabila pulang dari kerja," katanya yang ditemui ketika Pertandingan Kucing Antarabangsa di Menara Kuala Lumpur, di sini, semalam.

Yuen Wai bersama rakannya Amin Nordin, 30 membawa dua kucing untuk dipertandingkan.

Sementara itu, Kelab Kucing



Yuen Wai bersama 'Jack Sparrow' pada pertandingan dan pameran kucing antarabangsa di Menara Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO HAFIZ SOHAIMI/BH]

Malaysia (KKM) mengadakan pertandingan kucing antarabangsa pertama buat julung kalinya di Menara Kuala Lumpur bermula 31 Januari sehingga hari ini.

Pengerusi KKM, Khalid Rashid, berkata pihaknya bertuah kerana diberi peluang oleh Menara Kuala Lumpur menganjurkan pertandingan di atas menara, sekali gus memberikan gambaran menarik kepada pelancong asing yang datang.

"Seramai 300 peserta dari seluruh negara menyertai pertandingan yang berlangsung selama dua hari ini. Antara kriteria dipertandingkan adalah kucing jenis Persia, British berbulu pendek dan panjang, kucing rumah (domestic house cat) dinilai dari sudut kebersihan dan disiplin," katanya.